

14 AUG 2000

APMITTA-PENCALONAN/I

APMITTA DIBUKA BAGI PENCALONAN TALIAN TERUS

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Anugerah Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat Koridor Raya Multimedia Asia-Pasifik Kedua (APMITTA 2000) kini dibuka bagi pencalonan talian terus dengan dua kategori baru diperkenalkan.

Pencalonan talian terus di www.itawards.com kini dibuka kepada individu, korporat, organisasi atau institusi di bawah 12 kategori.

Dua kategori baru itu adalah Inovasi Pemasaran Interaktif E-Dagang Terbaik dan Multimedia Kreatif Terbaik. Ia menggantikan kategori Projek Perdagangan Perindustrian Terbaik.

Kategori lain termasuklah Anugerah Perdana Menteri bagi Terbaik antara yang Terbaik, Aplikasi Pembelajaran Pintar Terbaik, Penyelesaian Tele-Perubatan Terbaik, Penyelesaian Sistem Keselamatan Terbaik, Aplikasi Kerajaan Elektronik Terbaik, Aplikasi Perisian Terbaik, Pembangunan Kandungan Terbaik, Teknologi Komunikasi Tokokan Nilai Terbaik, Syarikat Baru Terbaik dan Projek Pelajar Terbaik.

Di persidangan akhbar selepas majlis pembukaan pencalonan APMITTA 2000, di sini, hari ini, pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Tan Sri Othman Yeop Abdullah, berkata kedua-dua kategori baru itu akan membantu untuk menumpu serta memberi pengiktirafan kepada usaha-usaha usahawan teknologi dan pemaju dalam bidang e-dagang dan multimedia kreatif.

Beliau berharap program tahun ini akan menarik lebih 300 pencalonan berbanding 197 yang diterima bagi anugerah tersebut tahun lalu.

Beliau juga berkata tempoh pencalonan bagi tahun ini adalah dua bulan untuk memberikan masa kepada calon-calon membuat perubahan yang perlu serta menyiapkan sepenuhnya projek mereka.

Calon-calon perlu memberikan penyampaian penulisan terbaik mereka bagi barangan mereka, tambahnya.

Calon yang disenarai pendek mungkin dikehendaki memberi penyampaian lisan dan demonstrasi teknologi kepada panel hakim, katanya.

Keputusan muktamad anugerah APMITTA 2000 akan dibuat oleh lembaga pemegang amanah APMITTA.

Bagi membantu lembaga itu, satu jawatankuasa penghakiman terdiri 21 wakil daripada sektor awam dan swasta termasuk kumpulan industri dan persatuan telah dibentuk, kata Othman.

Jawatankuasa penghakiman pula, tambahnya, telah membentuk 11 panel khas untuk menyemak pencalonan dan membuat cadangan bagi setiap kategori anugerah.

Malam Penyampaian Gala APMITTA 2000 bagi pemenang akan diadakan pada awal 2001 dan disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tambahnya.

Antara pemenang APMITTA 1999 termasuklah AIMS Technology Sdn Bhd di bawah kategori Aplikasi Pembelajaran Pintar Terbaik, SIRIM Bhd Penyelesaian Tele-Perubatan Terbaik dan IRIS Corporation Bhd bagi Penyelesaian Kad Pelbagai Guna Terbaik.

APMITTA adalah program anugerah yang diadakan bertujuan menyediakan satu platform bagi meningkat serta memperkenalkan perangkaan, pindahan teknologi, inovasi dan latihan dalam industri berkaitan teknologi maklumat, multimedia dan telekomunikasi, terutama dalam MSC.

-- BERNAMA

MFZ ZK MA